

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN DANA PEMFAILAN  
HARTA INTELEK 2.0**

**25 JANUARI 2022 (SELASA)  
AKADEMI HARTA INTELEK, MyIPO**

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

**Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad**

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)

**Yang Berbahagia Datin Roszanina binti Wahab**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna)

**Yang Berusaha Encik Abdul Haris bin Haji Lakar**

Ketua Pengarah

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

Seterusnya, warga kerja MyIPO, rakan media, usahawan serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Terlebih dahulu, dengan rasa penuh kesyukuran, saya berbesar hati dapat kita sama-sama bertemu pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang telah sudi menjemput saya bagi merasmikan majlis pada petang ini serta kepada semua usahawan yang hadir pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

3. Pembaharuan dalam persekitaran ekonomi, sama ada di dalam negara, serantau atau antarabangsa telah meletakkan harta intelek sebagai elemen penting dalam perkembangan perniagaan. Harta intelek tidak lagi dilihat sebagai *protective legal shield* semata-mata malah mempunyai fungsi sama seperti harta ketara lain iaitu boleh diperdagangkan atau dilesenkan dengan nilai yang tinggi.
4. Dalam *Global Innovation Index 2021*, Malaysia berada di kedudukan ke-36 daripada keseluruhan 132 negara. Antara penanda aras yang diambil kira dalam mengukur dan menentukan kedudukan ini adalah

jumlah pemfailan paten, perbaharuan utiliti, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian di Malaysia.

5. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah merekodkan sebanyak **58,079** permohonan harta intelek pada 2021 berbanding **50,894** pada 2020 iaitu peningkatan sebanyak **14.1%**. Daripada jumlah tersebut, **21,275** permohonan adalah permohonan harta intelek tempatan dengan peningkatan sebanyak **5.8%** berbanding 2020.
6. Saya juga dimaklumkan bahawa cap dagangan merupakan komponen harta intelek yang menerima permohonan paling banyak pada setiap tahun di Malaysia iaitu lebih daripada 80%. Ini sudah tentu, memandangkan cap dagangan amat berkait rapat dengan sesebuah perniagaan iaitu jenama bagi sesuatu produk.
7. Walau bagaimanapun, saya amat menggalakkan para usahawan untuk mengenal pasti komponen harta intelek lain yang berpotensi untuk didaftarkan bagi mendapat hak eksklusif yang optimum.
8. Manakala bagi Laporan *World Competitiveness Yearbook* 2021, Malaysia berada di kedudukan ke-25 iaitu meningkat dua anak

tangga berbanding kedudukan ke-27 pada 2020. Laporan Tahunan ini menetapkan kedudukan 64 buah negara berdasarkan ekonomi yang kompetitif bagi tujuan pelaburan berlandaskan 4 faktor seperti berikut:

- (i) prestasi ekonomi;
- (ii) keupayaan perniagaan;
- (iii) kecekapan pihak kerajaan; dan
- (iv) infrastruktur

9. Semakin baik kedudukan Malaysia dalam kedua-dua indeks tersebut, semakin tinggi keyakinan pelabur terhadap standard perlindungan hak harta intelek di negara ini. Seterusnya, menarik pelaburan ke dalam negara yang akan merancakkan ekonomi dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

10. Sebagai kementerian yang menerajui perdagangan domestik, KPDNHEP sentiasa komited untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif terutamanya melalui pemerkasaan pemilikan harta intelek di kalangan usahawan tempatan.

11. Malah pemilikan harta intelek ini boleh diperluaskan di peringkat antarabangsa di mana MyIPO telah menyediakan satu sistem

pendaftaran cap dagangan antarabangsa yang dinamakan Sistem Madrid. Melalui sistem ini, pemilik cap dagangan boleh memohon perlindungan ke atas cap dagangannya di 126 buah negara ahli Protokol Madrid.

12. Sistem ini sangat mudah di mana mereka hanya perlu memfailkan satu permohonan dan membayar satu set yuran bagi mendapatkan perlindungan di beberapa negara.

Para hadirin sekalian,

13. Atas keprihatinan Kerajaan akan cabaran yang dihadapi usahawan terutamanya dalam situasi pandemik Covid-19 dan juga yang terkesan akibat bencana banjir baru-baru ini, Kerajaan sekali lagi menawarkan Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 iaitu geran pembiayaan pemfailan harta intelek berjumlah RM4 juta bagi tempoh empat tahun, bermula pada tahun ini hingga 2025 di bawah Rancangan Malaysia ke-12.

14. Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 ini juga merupakan kesinambungan daripada sambutan yang menggalakkan dari

pemberian Dana Pemfailan Harta Intelek 1.0 yang telah bermula pada 2016 sehingga 2020 di bawah Rancangan Malaysia ke-11 berjumlah RM2.5juta. Sepanjang tempoh tersebut, seramai 1465 usahawan telah mendapat manfaat melalui pemberian dana ini. Sebagai contoh, pemilik jenama Ladangku, syarikat Maytech Sdn Bhd yang mempatenkan reka cipta *Barricade System* dan syarikat D'Athirah Design Enterprise yang mendaftarkan reka bentuk industri iaitu alat jahitan Magic Ruler.

15. Dana ini merangkumi pembiayaan fi bagi kesemua pemfailan komponen harta intelek termasuk kos bagi kerja yang memerlukan khidmat professional dan teknikal seperti penderafan paten.
16. Adalah diharapkan dana ini dapat membantu meringankan beban usahawan-usahawan tempatan seterusnya meningkatkan daya saing melalui perlindungan harta intelek dan merangsangkan ekonomi negara.
17. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, beserta perlaksanaan dasar-dasar pro-perniagaan yang kondusif, para usahawan juga mesti bijak mengambil peluang daripada kemudahan, insentif dan perlindungan harta intelek yang

disediakan oleh Kerajaan dalam usaha membina keupayaan masing-masing untuk kejayaan yang mapan di dunia perniagaan.

18. Saya menyeru supaya lebih ramai usahawan untuk memanfaatkan tawaran Dana Pemfailan Harta Intelek ini bagi memperolehi hak eksklusif ke atas jenama, reka cipta, reka bentuk, dan karya yang dihasilkan oleh mereka.
19. Usahawan juga perlu memastikan harta intelek yang didaftarkan dieksploitasikan dengan maksimum agar dapat menjana pulangan kepada usahawan seterusnya meningkatkan ekonomi domestik. Dana ini adalah ibarat joran bagi membantu usahawan untuk terus melonjakkan perniagaan termasuk perlindungan harta intelek daripada diciplak oleh orang lain.
20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada MyIPO di atas usaha menyelaras Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 ini. Selamat maju jaya diucapkan kepada para usahawan dalam mengorak langkah mendepani cabaran perniagaan.



21. Dengan ini, secara rasminya, saya melancarkan **Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0**.

Sekian, terima kasih.